



## JABATAN PELESENAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

No. Tel : 03-3289 1439 No. Fax : 03-3289 1101

MPKS/ISO/JPL 01

NO. KELUARAN 02

PINDAAN 02

TARIKH PINDAAN 01.08.2024

# LESEN SERTA-MERTA

## BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS DAN LESEN IKLAN UNTUK PERNIAGAAN

### BORANG INI DIBERI PERCUMA

Bayaran Proses Lesen Perniagaan: RM50.00

Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred,  
Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007

## Lampiran A

**PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS  
PERNIAGAAN KELULUSAN SERTA MERTA****Permohonan Secara Manual**

1. Menyediakan keperluan kehendak Senarai Semak seperti di **Lampiran B**.
2. Mengisi butiran Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan Kelulusan Serta-Merta seperti di **Lampiran C** dengan menggunakan Bahasa Melayu dan **HURUF BESAR** sahaja.
3. Melampirkan satu (1) salinan muka hadapan dan belakang kad pengenalan di atas kertas bersaiz A4.
4. Gambar berukuran pasport hendaklah dilekatkan di muka surat hadapan dalam ruang yang disediakan.
5. Mengisi semua butiran tiga (3) bahagian borang mengenai:  
Bahagian I - Maklumat Pemohon  
Bahagian II - Maklumat Perniagaan  
Bahagian III - Perakuan Pemohon
6. Di Bahagian I, pemohon perlu mengisi butiran maklumat nama, nombor kad pengenalan/pasport, bangsa, alamat surat-menyurat dan nombor telefon pemilik.
7. Di Bahagian II, pemohon perlu mengemukakan maklumat lesen premis perniagaan di bahagian (a), lakaran visual iklan beserta ukuran di bahagian (b) dan butir-butir barang-barang yang disimpan di bahagian (c) bergantung pada aktiviti perniagaan yang dijalankan di premis pemohon.
8. Mengemukakan keperluan syarat-syarat tambahan jika memohon lesen untuk Establisymen Makanan dan menyediakan perkhidmatan tadika/taska/taski.
9. Sebelum menyerahkan borang yang lengkap, pemohon hendaklah mengesahkan kesahihan maklumat dengan menandatangani borang tersebut di Bahagian III.
10. Memahami dan mematuhi syarat-syarat sama ada Syarat-syarat Am Lesen Premis Perniagaan dan Syarat-Syarat Khas Lesen Premis Makanan dan Syarat-syarat Khas Lesen Tadika/Taska/Taski seperti di **Lampiran-lampiran D, E dan F**.
11. Mengisi borang Aku Janji Permohonan Lesen Perniagaan seperti di **Lampiran G**.

## Lampiran B

**SENARAI SEMAK KEPERLUAN PERMOHONAN LESEN  
PREMIS PERNIAGAAN KELULUSAN SERTA MERTA**

	Ada	Tiada
1. Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan (Borang Komposit dan Iklan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Satu (1) Salinan Kad Pengenalan <b>atau</b> Salinan Butiran Maklumat Pasport	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Dua (2) Keping Gambar Berukuran Kad Pengenalan/Lesen	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Surat Wakil dan Salinan Kad Pengenalan Wakil (sekiranya bukan pemohon yang hadir)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. <b>** Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat mengikut <b>Akta Pendaftaran Syarikat 1965</b>/Salinan Pendaftaran Perniagaan mengikut <b>Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956</b> (<i>lengkap muka hadapan beserta maklumat perniagaan dan maklumat pemilik</i>)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. <b>** Salinan Perakuan sebagai Pengamal Profesional Berdaftar yang diiktiraf/ Sijil Optik/ Sijil Farmasi/ Pemegang Pajak Gadai di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (jika berkaitan)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Lakaran Visual Papan Iklan Beserta Ukuran Dalam Meter Persegi ( <b><i>Hendaklah disahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka</i></b> )	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. <b>Mengemukakan Gambar dan Pelan Premis</b>		
1. Pandangan Hadapan, Belakang dan Dalam Premis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Pandangan Sisi (Tambahan Jika Lot Tepi)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Pelan Lokasi Premis/Gambar Satelit/ Koordinat Kutub	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Satu (1) Pelan Lakaran Lantai Premis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. <b>**Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF @ CCC)/ Salinan Surat Kelulusan Permit Bangunan Sementara/ Salinan Borang F (Perakuan Siap dan Pematuhan)/ Bangunan/ Tapak Majlis Perbandaran Kuala Selangor</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. <b>**Salinan Perjanjian Sewa Premis yang telah dimeterai/ Kebenaran Pemilik Bangunan/ Salinan Geran Tanah Persendirian/ Salinan Perjanjian Jual Beli (S&amp;P)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11. Satu (1) Salinan Transaksi <b>atau</b> Bayaran Cukai Taksiran yang Telah Dijelaskan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12. Borang Aku Janji	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13. Menyediakan Cap Syarikat <b>atau</b> Perniagaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**\*\* Potong mana yang tidak berkenaan**

**PERMOHONAN PREMIS MAKANAN**

	Ada	Tiada
1. Salinan Surat Pemeriksaan Doktor dan Suntikan TY2 (Tifoid)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Senarai Nama Pekerja/Wakil Pemilik/Pembantu Kedai	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Salinan Resit Asal Pembelian Perangkap Minyak/Gambar ( <i>Grease Trap</i> )	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**PERMOHONAN PREMIS TADIKA / TASKA / TASKI**

	Ada	Tiada
1. Salinan Surat Kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bagi Taska / Taski	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Salinan Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Bagi Menjalankan Tadika	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Salinan Surat Kelulusan Kebenaran Merancang	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**SEMAKAN, SYOR DAN KELULUSAN**

1. Disemak oleh: ..... Tarikh: .....  
 ( )

2. Diluluskan / Tidak Diluluskan  
 .....  
 .....  
 .....

..... Tarikh: .....  
 Pihak Berkuasa Melesen  
 Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Lampiran C

**BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS  
PERNIAGAAN KELULUSAN SERTA-MERTA**  
(Isi Dengan Menggunakan Huruf Besar)



**BAHAGIAN 1**

**MAKLUMAT PEMOHON**

1) NAMA


2) NO. KP/PASPORT

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3) BANGSA

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

4) ALAMAT SURAT-MENYURAT


5) NO. TELEFON

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**BAHAGIAN II**

**MAKLUMAT PREMIS PERNIAGAAN**

**A. LESEN PREMIS PERNIAGAAN**

1) NAMA SYARIKAT


2) NO. PENDAFTARAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3) ALAMAT PREMIS


4) NO. TELEFON PREMIS


NO. FAX PREMIS

5) JENIS PERNIAGAAN


6) JENIS PREMIS

RUMAH KEDAI/ KEDAI PEJABAT

KELUASAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

mps

KOMPLEKS MEMBELI-BELAH

KELUASAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

mps

KILANG / INDUSTRI RINGAN

KELUASAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

mps

LAIN-LAIN (sila nyatakan .....

KELUASAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

mps

7) KEDUDUKAN PREMIS

Tengah

Tepi

Bersendiri

8) TINGKAT

--	--

9) HAK MILIK BANGUNAN

Sendiri

Sewa

10) BILANGAN PEKERJA ( Untuk Premis Makanan Sahaja )

--	--

orang

(Senarai Nama Pekerja Seperti di Lampiran C )

**B. LESEN IKLAN**

BIL.	UKURAN (METER)			BERCAHAYA/ TIDAK BERCAHAYA	BILANGAN UNIT	BILANGAN MUKA	LOKASI PEMASANGAN PAPAN IKLAN
	PANJANG	LEBAR	LUAS				

**Syarat-syarat Visual Iklan (Sila Rujuk Lampiran C2)**

**C. LESEN STOR/GUDANG (Tidak Berisiko)**

1) JENIS BANGUNAN

RUMAH KEDAI/ KEDAI PEJABAT                      KELUASAN 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 mps

GUDANG    KELUASAN 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 mps

KILANG / INDUSTRI RINGAN                      KELUASAN 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 mps

LAIN-LAIN (Sila Nyatakan .....                      KELUASAN 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 mps

2) JENIS BARANG YANG  
DISIMPAN

1	
2	
3	
4	

**BAHAGIAN III**

**PERAKUAN PEMOHON**

Saya ..... No. KP: ..... mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar.

.....

**TANDATANGAN**

JAWATAN : .....

NO. K/P : .....    CAP SYARIKAT / PERNIAGAAN

TARIKH : .....

**(Peringatan: Surat Perwakilan Kuasa Perlulah Diadakan Secara Rasmi Sekiranya Mewakilan Kuasa bagi Tujuan Permohonan Lesen)**

LAMPIRAN C1

SENARAI NAMA PEKERJA ( Bagi Premis Makanan Sahaja )

BIL.	NAMA	NO. KP/PASPORT	KURSUS	TY2

PENGESAHAN MAJIKAN

.....

TANDATANGAN

JAWATAN : .....

NO. K/P : .....


TARIKH : .....

.....

CAP SYARIKAT / PERNIAGAAN



## CONTOH LAKARAN VISUAL IKLAN

**SYARAT-SYARAT VISUAL IKLAN**

- **Bahasa Melayu** hendaklah digunakan bagi semua iklan atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.
- Penggunaan Bahasa Melayu hendaklah diutamakan, **30%** berukuran lebih besar ditunjukkan/dipamerkan dengan lebih jelas dari segi visual dari segi kedudukan berbanding bahasa-bahasa lain.
- Penggunaan Bahasa Melayu hendaklah dengan ejaan dan nahu yang betul (perlu pengesahan **Dewan Bahasa dan Pustaka**)
- Jika perniagaan bukan didaftarkan dalam Bahasa Melayu, ia tidak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, iklan tersebut hendaklah menyatakan aktivitiinya di dalam Bahasa Melayu.
- Sila catatkan nombor rujukan kelulusan iklan (nombor rujukan MPKS) di penjuru bawah sebelah kanan papan iklan.
- Pelan struktur hendaklah didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu. Hendaklah diperakukan oleh seorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar yang memperakukan bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh selama tempoh iklan itu dijangka hendak dipamer (Bagi Iklan yang Bersaiz Melebihi 100 Kaki Persegi).

## Lampiran D

**SYARAT-SYARAT AM LESEN PREMIS PERNIAGAAN KELULUSAN SERTA-MERTA****1. KESELAMATAN**

- 1.1 Mengadakan peti rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
- 1.2 Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 1.3 Pencahayaan dan pengudaraan hendaklah diselenggara dengan baik.
- 1.4 Stor dan tangga serta pintu kecemasan hendaklah diselenggara dengan baik.
- 1.4 Dilarang membuat sebarang kerja atau meletakkan barang-barang di atas kawasan awam seperti di kaki lima, lorong, jalan, siarkaki, longkang dan pintu keluar/masuk kecuali dengan kebenaran majlis.

**2. KEBERSIHAN**

- 2.1 Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air, elektrik dan pembedungan yang sempurna, berkeadaan baik dan selamat.
- 2.2 Mempamerkan papan tanda “**Dilarang Merokok**” dan “**Menjaga Kebersihan**”.
- 2.3 Seluruh premis di kawasan dalam dan luar hendaklah sentiasa bersih, berkeadaan baik, bebas daripada serangga dan rodensia atau haiwan pemeliharaan dan kacau ganggu.
- 2.4 Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa baik dan bersih.
- 2.5 Saliran air kumbahan hendaklah disalurkan ke sistem pembedungan.

**3. PEMBUANGAN SAMPAH**

- 3.1 Premis hendaklah mempunyai tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik.
- 3.2 Penggunaan karung plastik adalah diwajibkan.

**4. LAIN-LAIN**

- 4.1 Dilarang menjalankan aktiviti atau perkerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran Majlis.
- 4.2 Pada hari-hari kebesaran Negeri dan Kebangsaan, bendera **Negeri Selangor** dan bendera **Malaysia** hendaklah dikibarkan.
- 4.3 Pemegang lesen digalakkan mempamerkan gambar-gambar Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan DYMM Sultan Selangor.

## Lampiran E

**SYARAT-SYARAT KHAS LESEN PREMIS MAKANAN****1. PENGENDALI MAKANAN**

- 1.1 Pendendali makanan hendaklah mendapatkan pemeriksaan Pegawai Perubatan dan **suntikan TY2** untuk layak mengendali makanan.
- 1.2 Semua pengendali makanan hendaklah menghadiri **kursus** Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Majlis.
- 1.3 Semua pengendali makanan diwajibkan memakai apron yang berwarna cerah dan penutup kepala yang bersih.
- 1.4 Setiap Pengendali Makanan **dilarang** :
  - 1.4.1 Berkuku panjang dan kotor;
  - 1.4.2 Merokok semasa mengendali makanan;
  - 1.4.3 Memakai selipar/sandal; dan
  - 1.4.4 Menyentuh dan mengambil makanan yang dimasak dengan tangan (hendaklah menggunakan sarung tangan atau peralatan yang sesuai)

**2. RUANG MAKAN**

- 2.1 Lantai ruang makan hendaklah dipasang dengan jubin yang sempurna dan jubin dinding hendaklah sekurang-kurangnya sehingga 1.5 meter dari lantai.
- 2.2 Menyediakan sinki dan bahan pencuci tangan yang mencukupi untuk kemudahan pelanggan.

**3. RUANG DAPUR**

- 3.1 Menyediakan tempat penyediaan makanan yang mencukupi dan sentiasa dalam keadaan bersih.
- 3.2 Mengadakan peti atau bilik sejuk bersuhu darjah yang sesuai (Chiller – 0 °C sehingga 4 °C dan Freezer – 0 °C hingga – 18 °C). Makanan mentah atau yang belum dimasak hendaklah diletakkan berasingan daripada makanan yang telah dimasak. (Makanan masak di ruang atas dan makanan mentah di ruang bawah peti sejuk).
- 3.3 Mengadakan cerobong asap dan/atau kipas hawa panas di tempat-tempat memasak makanan.
- 3.4 Semua barang-barang atau peralatan dan bahan-bahan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih. Dilarang meletakkan barang makanan di atas lantai.
- 3.5 Mengadakan perangkap minyak atau lemak di sinki dan tempat membasuh peralatan penyediaan makanan.
- 3.6 Dinding dan lantai dapur, tempat penyediaan makanan hendaklah dipasang dengan jubin yang sempurna sehingga siling dapur.
- 3.7 Menyediakan sinki (sekurang-kurangnya 2 unit) untuk mencuci peralatan penyediaan makanan. Dilarang sama sekali mencuci peralatan penyediaan makanan di atas lantai.
- 3.8 Tandas hendaklah disudahi dengan jubin dan sentiasa bersih serta menyediakan bahan pencuci yang mencukupi dan sesuai.

**4. STOR PENYIMPANAN**

Semua barang-barang atau peralatan dan bahan-bahan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih. Diletak atau disimpan di atas rak, kabinet atau meja yang sempurna yang diperbuat daripada kayu, keluli, jubin, kaca dan sebagainya. Dilarang meletak makanan di atas lantai.

**5. LAIN – LAIN**

- 5.1 Makanan yang telah dimasak hendaklah sentiasa bertutup dan bebas daripada hurungan serangga.
- 5.2 Keseluruhan premis hendaklah bebas daripada serangga dan haiwan rodensia serta haiwan peliharaan.

**SYARAT-SYARAT KHAS LESEN TADIKA/TASKA/TASKI****1. RUANG JAGAAN**

- 1.1 Ruang bilik bagi seorang murid ialah 16 kaki persegi dan ruang bilik bagi seorang guru ialah 60 kaki persegi.
- 1.2 Tiap-tiap bilik hendaklah mempunyai tingkap minima 10% daripada luas lantai bilik.
- 1.3 Lantai hendaklah berkonkrit dan kuat serta berwarna cerah seperti lantai jubin, *vinyl*, *epoxy floor hardener* atau lain-lain bahan seumpamanya.
- 1.4 Dinding hendaklah dipasang dengan bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna cerah.

**2. KESELAMATAN**

- 2.1 Menutup semua soket elektrik yang terdapat di dinding premis.
- 2.2 Memastikan alat-alat permainan bersih dan selamat digunakan.
- 2.3 Pagar premis hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak berkarat.

**3. KEBERSIHAN**

Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti besin dan singki yang mencukupi.

**4. STOR PENYIMPANAN**

Semua barang-barang dan peralatan hendaklah berkeadaan baik dan bersih serta diletak atau disimpan di rak, kabinet atau meja yang sempurna.

**5. LAIN-LAIN**

- 5.1 Pengendali makanan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan dan mendapatkan suntikan TY2.
- 5.2 Keseluruhan premis hendaklah bebas daripada serangga dan haiwan rodensia serta haiwan peliharaan.